

22 MAY 1996
Mahathir - Universiti
PM LAWAT UNIVERSITI SURREY

Oleh: Wan A Hulaimi

LONDON, 22 Mei (Bernama) -- Satu program pemindahan teknologi yang akan membolehkan Malaysia memainkan peranan penting di kalangan negara angkasalepas dunia menerusi teknologi mikrosatelit dibincangkan semasa Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menemui ahli sains teknologi angkasalepas di kompleks Surrey Satellite Technology Limited (SSTL) di Cwildfard, 48 km dari sini.

SSTL, adalah bahagian komersil milik sepenuh pusat itu bagi penyelidikan Kejuruteraan Satelit (CSER) Universiti Surrey.

Ia meningkatkan keupayaan teknologi mikrosatelit yang bukan sahaja murah banyak juta pounds daripada kos pengeluaran konvensional malahan di hadapan senarai liga kos yang menjimatkan.

SSTL telahpun membuat teknologi mikrosatelit untuk Chile, Portugal, Thailand, Korea dan Pakistan dan kini berusaha mendapatkan kontrak untuk membuat dan melancarkan satu satelit di angkasalepas bagi Malaysia.

Semasa lawatan Perdana Menteri di sini selepas lawatan ke Jepun dan Amerika Dr Mahathir melawat "clean rooms" CSER di mana satelit dipasang dan stesen bumi yang mengawasi kemajuan lapan satelit STLL yang telahpun berada dalam orbit.

Malahan CSER tidak lagi asing kepada Malaysia. Seorang rakyat Malaysia, Valerie Chu, dari Sabah baru-baru ini berada di sini menjalani penyelidikan kedoktoran dalam teknologi angkasalepas. Dr Mahathir menemui beliau dengan beberapa daripada 114 rakyat Malaysia yang menuntut di Universiti Surrey.

Lawatan ke universiti ini ialah minat istimewa kepada Dr Mahathir kerana SSTL ialah antara penawar, dengan negara lain termasuk India, yang menawarkan kepada Malaysia kepakaran mereka untuk merancang program satelit Malaysia.

SSTL telah mengukir namanya sebagai satu pemimpin dunia dalam teknologi mikrosatelit dan sebagai pelopor dalam pergerakan antarabangsa ke arah misi satelit yang kecil, cepat dan murah.

Pengarah Urusan SSTL Prof Martin Sweeting berkata "Lawatan Dr Mahathir adalah sebahagian daripada perbincangan mengenai kemungkinan pertumbuhan kerjasama UK-Malaysia, dengan Universiti Surrey akan memajukan satu program pemindahan teknologi bagi membolehkan Malaysia menyertai dan memainkan peranan aktif di kalangan negara angkasalepas dunia menerusi perolehan teknologi mikrosatelit."

Dr Mahathir juga mengadakan dialog dengan pelajar Malaysia di sini dan pada tengah hari Pemimpin Pekerja Tony Blair menemui Dr Mahathir di Hyde Park Gate.

-- BERNAMA
WH CR